

13 AUG 2000

DUA LAGI MRSM UNTUK SABAH DALAM RMK-8

TAWAU, 13 Ogos (Bernama) -- Sabah akan mendapat dua lagi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang akan dibina di sini dan Sandakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz hari ini.

Ketika ini Sabah hanya mempunyai sebuah MRSM yang sedang dalam pembinaan di Kinarut, dekat Kota Kinabalu yang dijangka siap tahun depan.

Ini adalah antara usaha kementerian memberi perhatian khusus kepada Sabah dalam membawa peruntukan lebih banyak untuk kepentingan penduduk negeri ini," katanya ketika melancarkan Larian Gemilang Mara sempena Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA di sini.

Terdahulu Pengarah Mara negeri Zaharuddin Yahya menyatakan rasa puas hati dengan pembayaran balik pinjaman Mara di kalangan usahawan di negeri ini yang mengikut jadual.

Menurut beliau, dalam tempoh antara 1996 dan 1999, Mara telah beri pinjaman kepada seramai 1,261 usahawan dengan nilai RM33.6 juta dan setakat ini sebanyak 60 peratus daripada pinjaman itu telah dibayar balik.

Larian gemilang itu akan meliputi seluruh negara dan dijangka berakhir Oktober ini manakala acara kemuncak perayaan berkenaan akan disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, 3 Nov ini.

Di Sabah, larian itu akan melalui Semporna, Kunak, Sandakan dan kawasan yang mempunyai Pusat Giat Mara sebelum berakhir di Kota Kinabalu, 25 Ogos ini.

-- BERNAMA

IL RON